

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 9 TAHUN 2021**

KAEDAH RAYUAN BAGI PERMOHONAN TENEMEN MINERAL

Pekeliling ini dikeluarkan untuk makluman kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan dan Jabatan/Agensi yang terlibat dengan sektor perlombongan di Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-20/2021 di bawah Perkara-Perkara Lain (15) yang bersidang pada 06 Oktober 2021 telah membuat keputusan menetapkan kaedah rayuan bagi permohonan tenemen mineral.

2. Ketetapan yang telah diputuskan adalah sebagaimana berikut :
 - i) Permohonan rayuan bagi tenemen mineral yang telah ditolak hanya boleh dikemukakan sekali sahaja untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.
 - ii) Jika rayuan ditolak, pemohon tidak lagi dibenarkan untuk membuat rayuan kedua.
 - iii) Pemohon boleh mengemukakan permohonan baharu 3 bulan selepas permohonan rayuan ditolak.
3. Walau bagaimanapun, perkara 2(iii) tidak boleh dilaksanakan lagi buat masa ini memandangkan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Bil. 2/2021 dan 7/2021 mengenai Pembekuan Sementara Permohonan Lesen Mencarigali dan Lesen Penjelajahan yang bermula pada 1 Mac 2021 masih lagi berkuatkuasa.
4. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan dan Jabatan/Agensi yang terlibat dengan sektor perlombongan di Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum mengenai pemakaian pekeling ini.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL *D.P.S.K.(Kelantan), K.M.N*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berusaha

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan/

Semua Jabatan/Agensi Yang Terlibat Dengan Sektor Perlombongan di Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YM Tengku Kaya Perkasa Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
7. YABrs. Pengarah Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan
8. YABrs. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
9. YABrs. Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan
10. YABrs. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
11. YABrs. Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan
12. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN

NEGERI KELANTAN

BLOK 3 KOTA DARULNAIM

15576 KOTA BHARU

KELANTAN

NO. FAIL : PTG.KN.1/2/31 JLD.2(7)

BERTARIKH : 03 RABIUL AKHIR 1443H

08 NOVEMBER 2021